BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam ____ pada hari Rabu, 25 Ogos 2004

Perkembangan Monetari dan Kewangan Julai 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh pada bulan Julai

Dalam persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah, keadaan monetari dan kewangan pada bulan Julai terus menyokong aktiviti ekonomi. Pinjaman terkumpul sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat pada kadar tahunan 7.2%. Dana yang lebih tinggi yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah terutamanya untuk membiayai aktiviti baru.

Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang pada kadar tahunan 12.8%. Permintaan pinjaman oleh PKS kekal tinggi dengan jumlah permohonan pinjaman meningkat pada kadar tahunan 34.6%. Kelulusan pinjaman kepada PKS juga meningkat dengan sejumlah RM2.9 bilion diluluskan kepada 8,294 akaun PKS. Pada asas tahunan, kelulusan pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 46.2%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam ____ pada hari Rabu, 25 Ogos 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JULAI 2004

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh pada bulan Julai

Dalam persekitaran inflasi dan kadar faedah yang rendah, keadaan monetari dan kewangan pada bulan Julai terus menyokong aktiviti ekonomi. Pinjaman terkumpul sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat pada kadar tahunan 7.2%. Dana yang lebih tinggi yang diperoleh daripada pasaran PDS adalah terutamanya untuk membiayai aktiviti baru.

Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang pada kadar tahunan 12.8%. Permintaan pinjaman oleh PKS kekal tinggi dengan jumlah permohonan pinjaman meningkat pada kadar tahunan 34.6%. Kelulusan pinjaman kepada PKS juga meningkat dengan sejumlah RM2.9 bilion diluluskan kepada 8,294 akaun PKS. Pada asas tahunan, kelulusan pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 46.2%.

Kadar faedah kekal rendah

Pada tempoh 1 Julai – 24 Ogos, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.68 – 2.71%, iaitu pada kadar purata 2.70%.



Kadar antara bank semalaman kekal stabil



Kadar antara bank kekal rendah dan stabil



Mudah tunai yang diserap pada bulan Julai adalah kecil



Nisbah pembiayaan-deposit berada pada tahap 89.9%

Kadar berian pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil pada kadar 5.98% dan 6.90% pada 15 Ogos. Kadar berian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan kekal stabil pada paras 6.00% manakala ALR syarikat kewangan menurun kepada 8.69% pada akhir Julai (masing-masing 5.99% dan 8.76% pada akhir Jun).



ALR bank perdagangan kekal stabil manakala ALR syarikat kewangan terus menurun



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70
Jul 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70
15 Ogo 04	3.00	3.00	3.00	3.00	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah…



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Jun 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Jul 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Ogo 04	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70

…begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan adalah lebih tinggi sedikit

Prestasi ringgit

Pada bulan Julai, prestasi ringgit adalah bercampur-campur berbanding mata wang utama dunia. Dolar AS naik nilai berbanding euro dan yen berikutan penilaian yang positif ke atas ekonomi AS serta jangkaan bahawa kadar faedah rasmi AS akan meningkat secara beransur-ansur. Berbanding paun sterling, ringgit susut nilai berikutan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah akan dinaikkan lagi di UK. Ringgit mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang serantau.

Pada tempoh 1-24 Ogos, ringgit susut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama dunia apabila dolar AS susut nilai berbanding mata wang utama tersebut berikutan laporan keadaan pasaran pekerjaan AS yang lebih lembab daripada jangkaan dan defisit perdagangan AS yang semakin melebar. Prestasi mata wang serantau adalah bercampur-campur disebabkan oleh faktor-faktor dalam negeri.



Pada tempoh 1-24 Ogos ringgit susut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama dunia



Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Jul 04	24 Ogos 04	Jul 04	Akhir Jul 04 - 24 Ogos 04	Akhir Dis 03 - 24 Ogos 04	02 Sep 98 - 24 Ogos 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.5777	4.6117	0.3	-0.7	3.6	-
Paun sterling	6.3708	6.9073	6.8605	-0.5	0.7	-1.4	-7.1
100 yen Jepun	2.7742	3.3951	3.4549	3.1	-1.7	2.9	-19.7
Dolar Singapura	2.1998	2.2034	2.2202	0.5	-0.8	0.6	-0.9
100 baht Thai	9.3713	9.1854	9.1555	1.1	0.3	4.8	2.4
100 peso Filipina	8.8302	6.7887	6.7942	-0.4	-0.1	0.7	30.0
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0414	0.0409	-2.4	1.3	9.8	-13.4
100 won Korea	0.2827	0.3245	0.3290	1.6	-1.4	-3.3	-14.1

Inflasi kekal rendah

Kadar inflasi, diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), kekal rendah dan stabil. Kadar inflasi tahunan purata untuk tujuh bulan pertama 2004 kekal rendah pada kadar 1.1% (1.1% pada Januari-Julai 2003). Kadar inflasi tahunan pada bulan Julai kekal tidak berubah pada paras 1.3% berbanding bulan Jun. Perubahan harga pada bulan Julai secara keseluruhan masih stabil meliputi kesemua subsektor barangan dan perkhidmatan pengguna.



Inflasi kekal rendah dan stabil pada bulan Julai

Harga pengeluar meningkat pada kadar yang lebih rendah

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada kadar yang lebih rendah pada bulan Jun dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan 9.8% (12.6% pada bulan Mei). Peningkatan yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh harga komoditi utama yang lebih rendah, khususnya harga minyak sawit mentah. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR terlaras mencatat kadar pertumbuhan tahunan 2.9% (3.7% pada bulan Mei).



IHPR meningkat pada kadar yang lebih rendah pada bulan Jun

Wang secara luas meningkat

Wang secara luas, M3, terus meningkat sebanyak RM2.4 bilion pada bulan Julai atau pada kadar tahunan sebanyak 10.4%. Peningkatan dalam M3 mencerminkan terutamanya kesan pengembangan operasi luar negeri bersih berikutan penghantaran balik perolehan eksport yang mapan dan aliran masuk dana portfolio serta pengembangan operasi Kerajaan. Pemegangan baki urus niaga adalah lebih rendah pada bulan Julai disebabkan terutamanya pengeluaran oleh perusahaan perniagaan. Pada asas tahunan, M1 meningkat sebanyak 14.1%.



Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 04	**Jun 04**	**Jul 04**	**Jan - Jul 04**
M3	1.9	4.4	2.4	31.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-3.3	0.4	1.8	-6.2
Tuntutan ke atas sektor swasta	6.4	5.8	-0.5	15.6
Pinjaman	*5.9*	*6.8*	*-0.6*	*19.3*
Sekuriti	*0.5*	*-1.0*	*0.1*	*-3.7*
Operasi luar negeri bersih *	-2.7	4.3	2.0	41.4
Pengaruh lain	1.6	-6.1	-0.9	-19.3

* Sebelum penilaian semula

Deposit institusi kewangan bukan bank dalam negeri lebih tinggi tetapi deposit keseluruhan merosot disebabkan pembayaran balik pinjaman luar negeri

Walaupun terdapat simpanan deposit yang besar oleh institusi kewangan bukan bank dalam negeri dalam sistem perbankan, ini telah diimbangi oleh pengurangan deposit dalam hampir kesemua pemegang deposit utama lain. Kemerosotan dalam deposit ini mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman luar negeri oleh perusahaan perniagaan dan pembelian Bon Simpanan Merdeka oleh individu. Secara keseluruhan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan merosot sebanyak RM0.8 bilion pada bulan Julai dengan pertumbuhan tahunan kekal tinggi pada kadar 10.4% pada akhir Julai.

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 04	**Jun 04**	**Jul 04**	**Jan - Jul 04**
Kerajaan Persekutuan	184	694	-1,361	-900
Kerajaan Negeri	281	43	-283	378
Badan Berkanun [1]	-659	46	-450	-3,304
Institusi Kewangan	-116	391	3,111	8,669
Perusahaan Perniagaan	286	5,887	-1,745	13,992
Individu	-485	1,259	-596	10,060
Lain-lain [2]	518	-981	502	1,052
Jumlah	10	7,340	-822	29,946

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit yang disimpan oleh institusi kewangan bukan bank adalah lebih tinggi

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Mei 04	**Jun 04**	**Jul 04**	**Jan - Jul 04**
Deposit tetap	-2,385	-11	2,979	14,088
NID	310	790	371	4,207
Deposit permintaan	1,531	2,491	-2,165	299
Deposit tabungan	-330	334	-728	1,510
Perjanjian beli balik (Repo)	-783	1,825	-1,437	4,396
Deposit mata wang asing	803	-430	55	-31
Deposit SPI	503	1,986	-194	3,509
Lain-lain	362	356	297	1,968
Jumlah	10	7,340	-822	29,946

Pembiayaan sektor swasta lebih tinggi

Persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil, di samping mudah tunai yang mencukupi telah mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk pertumbuhan ekonomi. Pada bulan Julai, jumlah pembiayaan kasar yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan pasaran modal adalah lebih tinggi. Pinjaman terkumpul sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta meningkat pada kadar tahunan sebanyak 7.2%. Jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat pada kadar tahunan 5.3% pada akhir Julai, dengan pinjaman PKS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 7.3%.



Pembiayaan kasar yang dikeluarkan kepada sektor swasta adalah lebih tinggi pada bulan Julai

Kedua-dua penunjuk pinjaman masa hadapan, iaitu jumlah permohonan dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan 11.5% dan 14.2% kepada RM25.3 bilion dan RM16.5 bilion. Permintaan untuk pinjaman oleh PKS kekal tinggi dengan permohonan pinjaman meningkat pada kadar tahunan 34.6% kepada RM5.2 bilion. Kelulusan pinjaman PKS turut berkembang dengan sejumlah RM2.9 bilion diluluskan kepada 8,294 akaun PKS pada bulan Julai. Pada asas tahunan, kelulusan pinjaman kepada PKS meningkat sebanyak 46.2%.



Kesemua penunjuk pinjaman utama kekal pada paras yang tinggi



Paras pinjaman yang dikeluarkan kukuh meliputi kesemua sektor

Terbitan baru PDS lebih tinggi

Pada bulan Julai, jumlah dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi, iaitu berjumlah RM4.1 bilion. Dana kasar yang diperoleh melalui pasaran PDS berjumlah RM4.1 bilion dengan 87.8% adalah untuk pembiayaan aktiviti baru. Selepas mengambil kira penebusan PDS yang telah matang, jumlah bersih pembiayaan sektor swasta melalui PDS adalah sebanyak RM2.3 bilion. Dalam sektor awam, dana bersih yang lebih tinggi diperoleh terutamanya melalui terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia 15 tahun.



Terbitan baru oleh sektor awam dan swasta diimbangi sebahagiannya oleh penebusan

IK BSKL meningkat sebanyak 1.7% kepada 834 mata pada akhir Julai berbanding akhir Jun. Sentimen pasaran disokong oleh prospek ekonomi Malaysia yang positif untuk tempoh sehingga akhir tahun ini. Permodalan pasaran adalah lebih tinggi sedikit, iaitu pada paras RM664.7 bilion (+1.6% semenjak akhir Jun) sementara purata urus niaga harian bagi bulan tersebut adalah lebih tinggi pada paras 333.27 juta unit (258.6 juta unit pada bulan Jun).

Pada 24 Ogos, IK BSKL ditutup pada paras 804.9 mata (-3.5% semenjak akhir Julai). Prestasi pasaran terjejas berikutan kebimbangan tentang kenaikan harga minyak mentah. Permodalan pasaran adalah lebih rendah, iaitu pada paras RM637.9 bilion (-4.0% semenjak akhir Julai) sementara purata urus niaga harian bagi tempoh 1-24 Ogos adalah lebih rendah pada paras 301.72 juta unit.



Rizab antarabangsa meningkat hasil daripada perolehan eksport yang lebih tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM206.4 bilion atau AS$54.3 bilion pada 31 Julai 2004. Peningkatan sebanyak RM1.6 bilion (AS$426 juta) pada bulan Julai disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang lebih tinggi dan aliran masuk dana portfolio yang berjumlah kecil. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan, dan pembayaran balik pinjaman luar negeri yang berjumlah kecil. Kedudukan rizab cukup untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab terus meningkat kepada RM206.9 bilion atau AS$54.4 bilion pada 14 Ogos 2004, cukup untuk membiayai 7.2 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras rizab terus meningkat

Tahap permodalan kekal kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) bagi sistem perbankan terus meningkat dengan kukuh kepada 13.9% disebabkan terutamanya oleh aktiviti peningkatan modal oleh beberapa buah institusi perbankan dan penurunan dalam aset berwajaran risiko. Selepas penurunan selama 5 bulan berturut-turut, nisbah NPL bersih kekal pada paras 6.2%, iaitu paras terendah semenjak krisis kewangan pada 1998.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	**2000**	**2001**	**2002**	**2003**	**Mei 04**	**Jun 04**	**Jul 04**
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	10.9	11.3	11.4
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	13.5	13.8	13.9
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.5	6.2	6.2
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,703	30,766	29,985	29,301	29,160
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk institusi perbankan Islam.



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing terus kukuh pada paras 13.9% dan 11.4%



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) kekal pada paras 6.2%

Bank Negara Malaysia
25 Ogos 2004

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Mei 04		Jun 04		Jul 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		46.5	7.9	46.4	8.7	47.3	8.0
M1		103.1	16.8	105.4	16.3	103.9	14.1
M2		443.6	10.6	447.6	11.5	451.2	12.1
M3		574.4	10.0	578.8	10.8	581.2	10.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		577.3	10.3	584.6	11.1	583.8	10.4
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		485.8	6.3	492.8	6.2	491.8	5.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		79.9		80.2		80.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		89.8		89.9		89.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		21.7	32.2	24.7	34.9	25.3	11.5
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		12.7	12.7	18.1	28.5	16.5	14.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		38.4	20.5	42.4	12.7	41.2	1.5
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		34.6	12.9	36.7	16.5	43.2	13.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.5		13.8		13.9	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.5		6.2		6.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		204.9		204.8		206.4	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		53.9		53.9		54.3	
Bilangan bulan import tertangguh		7.3		7.1		7.2	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (KDS)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.70 [2.70]		2.69 [2.70]		2.68 [2.70]	
	Seminggu	2.77 [2.80]		2.77 [2.75]		2.74 [2.73]	
	1 bulan	2.87 [2.88]		2.83 [2.81]		2.84 [2.80]	
	3 bulan	2.91 [2.89]		2.83 [2.85]		2.83 [2.82]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		6.07		5.99		6.00	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		105.5	1.2	105.6	1.3	105.8	1.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		151.2	12.6	148.2	9.8		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.6381		4.5933		4.5838	
Paun Sterling		6.9740		6.8719		6.9253	
100 Yen Jepun		3.4616		3.4991		3.4239	
Dolar Singapura		2.2378		2.2139		2.2148	
100 Baht Thai		9.3792		9.2841		9.2032	
100 Peso Filipina		6.8070		6.7640		6.8039	
100 Rupiah Indonesia		0.0410		0.0404		0.0417	
100 Won Korea		0.3265		0.3298		0.3260	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh dari sektor:	awam	4.0		-2.5		1.8	
	swasta	1.2		-1.2		2.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		810.7		819.9		834.0	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		653.0		653.9		664.7	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.